

23 FEB 1999

DR MAHATHIR AKAN RASMI SIRKIT F1 SEPANG BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan sirkit Formula 1 (F1) Sepang sepanjang 5.6km pada 9 Mac ini dalam satu majlis yang gilang gemilang.

Pengerusi jawatankuasa penganjur pembukaan rasmi yang juga pengarah urusan Malaysia Airports Berhad, Datuk Khairuddin Ibrahim berkata sebilangan pemandu terkemuka F1 telah bersetuju menyerikan acara bersejarah itu.

"Ia akan menjadi satu upacara yang hebat. Satu perarakan akan diadakan selain pertunjukan bunga api dan pelbagai bentuk hiburan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Khairuddin berkata selain pertunjukan hiburan daripada artis terkemuka tempatan seperti KRU, Sheila Majid dan Zainal Abidin, acara itu akan dipenuhi dengan perarakan pancaragam, kereta lumba dan vintaj, motosikal superbike dan pemandu lagak ngeri.

Katanya antara yang dijangka menarik perhatian ramai pada majlis itu ialah simulator khas 12-tempat duduk F1. Buat pertama kali bagi rakyat Malaysia yang berminat akan berpeluang merasai berada dalam kereta F1.

Dibina di kawasan 260 hektar bekas ladang, sirkit Sepang adalah satu-satunya sirkit F1 di Asia Tenggara.

Acara pra pembukaan akan bermula pada 5.45 petang manakala pelancaran akan bermula pada 7.45 petang.

Bayaran masuk untuk orang awam ialah RM5. Tiket boleh diperolehi di semula rangkaian Music Valley di Lembah Kelang, Negeri Sembilan dan Melaka atau menelefon 03-7746300.

-- BERNAMA

RV LAT